

03/11/2003

Jasa Dr M dalam bidang sukan tidak terhitung

Raja Ahmad Zainuddin

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi secara rasmi sudah menjadi Perdana Menteri kelima menggantikan Tun Dr Mahathir Mohamad yang bersara, selepas

pernah membuat kejutan untuk meletakkan jawatan dalam Perhimpunan Agung Umno tahun lalu.

Seperti rakyat Malaysia yang lain, saya juga tidak mahu ketinggalan mengambil kesempatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Datuk Seri

Abdullah, sambil tidak lupa mengucapkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Dr Mahathir yang banyak berjasa kepada kita, bangsa dan tanah air.

Jasa dan pengorbanan Dr Mahathir terlalu banyak hingga tidak terulas rasanya. Bermula dari sebuah negara yang tidak pernah dikenali, kini begitu disanjung, dihormati dan disegani di serata pelusuk dunia.

Sebutlah

apa sahaja, nama bekas Perdana Menteri keempat itu tetap meniti di bibir kita dan masyarakat asing.

Dalam dunia sukan, Dr Mahathir juga amat dikenali di pentas antarabangsa

yang bukan sahaja kerana kelantangan suara dan kritikan pedasnya, tetapi turut menjadi idola kepada negara-negara membangun lain dalam mencari jalan penyelesaian konflik politik dan ekonomi ekoran dari sikap angkuh Amerika Syarikat dan Barat.

Jika ada sanjungan dunia kepada Dr Mahathir di atas kejayaan besar bertaraf antarabangsa yang berjaya direalisasikan oleh negara dalam tempoh

terdekat tahun ini sahaja tidak lain tidak bukan hanyalah ucapan tahniah yang tidak terhingga.

Lebih membanggakan kita ialah pada saat Asia Barat terasa ancaman serangan Amerika Syarikat ke atas Iraq, agenda besar seperti perlumbaan Formula Satu, awal tahun ini bukan sahaja berjalan lancar tetapi berjaya mencecah angka 101,485 penonton, satu rekod baru sejak Petronas Grand Prix

Malaysia diilhamkan Dr Mahathir.

Dr Mahathir juga sebelum ini tidak putus-putus menerima pujian dan ucapan tahniah di atas kejayaan Malaysia mengendalikan perhimpunan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) yang disertai lebih 50 negara bulan lalu serta Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) awal tahun ini.

Lebih penting untuk diingati ialah kesemua acara besar berjalan dalam suasana meriah tanpa sebarang kekacauan termasuk semasa pemimpin dan perwakilan asing itu berada di ibu negara.

Penganjuran Lima 03 yang menjadi acara tahunan di Langkawi turut mendapat sambutan meriah dari pelancong asing yang mencurahkan datang sebagaimana ketika mereka menyaksikan perlumbaan Formula Satu, yang lantas

menutup tanggapan buruk Amerika Syarikat kerana tidak berlaku sebarang keganasan.

Usaha Dr Mahathir menjadikan Formula Satu di Litar Lumba Sepang sesungguhnya menjadikan nama Malaysia begitu harum. Setidak-tidaknya kita mendahului negara China dan Bahrin yang akan turut memiliki litar lumba Formula 1 sendiri tahun depan. Oleh itu tidak sesia-sialah pembabitan kita, kerana berjaya menarik ramai pelancong luar terutama dari Eropah yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi menarik mereka.

Lebih penting perlumbaan bertaraf dunia itu juga membuka mata ramai pelumba handalan yang bukan sahaja tertarik dengan litar yang didirikan di negara kita, tetapi serius dan bersaing hebat untuk muncul juara di bumi Malaysia.

Di kalangan pelumba-pelumba dunia seperti Michael Schumacher dari Jerman, Kimi Raikkonen, Finland, Rubens Barrichello, Brazil dan Fernando Alonso, Sepanyol nama Dr Mahathir bukan sahaja terpahat di ingatan mereka, tetapi turut berbangga kerana adanya seorang pemimpin seperti beliau yang turut tampil memberi sokongan peribadi di dalam menjanakan lagi sukan lumba Formula Satu yang turut melahirkan pelumba tempatan seperti Alex Yoong, Rizal Ramli dan Mohd Fairuz Fauzi.

Selama 22 tahun menerajui kepimpinan negara, Dr Mahathir bukan sahaja merasa bertanggungjawab ke atas pembangunan negara, tetapi turut juga merasakan pentingnya sukan di dalam memberi sumbangan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Sejak Tour de Langkawi diperkenalkan pulau lagenda itu bukan sahaja menjadi tumpuan ramai jaguh lumba basikal seluruh dunia, tetapi juga menjadikannya menarik ramai pelancong yang tidak putus mengunjungi negara ini. Persekutuan lumba basikal juga turut memberi anugerah kepada beliau sebagai menghargai peranan Dr Mahathir termasuk Jelajah Malaysia yang diadakan sempena persidangan OIC.

Begitulah bijak dan pintarnya seorang pemimpin seperti Dr Mahathir dalam memperkenalkan Langkawi dari sebuah pulau yang dikenali sebagai padang jarak padang terkukur akibat sumpahan Mahsuri, bertukar menjadi sebuah pulau bebas cukai yang semakin terkenal di rantau ini. Di pulau ini juga diadakan perlumbaan go-kart bertaraf antarabangsa yang juga merupakan sentuhan tangan Dr Mahathir.

Bekas Perdana Menteri itu juga turut merencanakan kejayaan Sukan Komanwel yang diadakan buat pertama kali di Kuala Lumpur pada tahun 1998, sekalipun pada ketika menghadapi ketegangan politik. Sikap kepimpinan melalui teladan yang ditunjukkannya ketika secara spontan memeluk peninju Sapok Biki dari Sarawak yang memungut pingat emas.

Banyak lagi pembabitan Dr Mahathir termasuk sukan berkuda yang turut berkembang kerana sikap peribadi beliau yang juga mahir dalam menunggang kuda hingga ke hari ini, selain ramai tokoh korporat yang turut menunjukkan minat.

Sambil mengucapkan tahniah di atas penganugerahan darjah bintang tertinggi oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai mengenang jasa beliau dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali yang juga turut menjadi penggerak kemajuan sukan negara terutama badminton, diharap negara tidak akan lupa

segala jasa tokoh negarawan yang tersayang itu terutama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Majlis Sukan Negara (MSN) bagi menghargai pembabitan Dr Mahathir dalam memajukan sukan tanah air. Barangkali boleh diwujudkan Institusi Sukan Mahathir atau Anugerah Cemerlang Mahathir kepada mana-mana atlit cemerlang atau memperkenalkan Tokoh Sukan Mahathir pada hari Anugerah Olahragawan dan Olahragawati Kebangsaan yang diadakan setiap tahun. Diharap KBS menamakan mana-mana Pusat Latihan Belia atas nama bekas Perdana Menteri itu, selain mewujudkan Anugerah Cemerlang Kepimpinan Belia juga atas nama Dr Mahathir.

Akhir kata, kepada Dr Mahathir dan keluarga kita mendoakan semoga diberikan kesejahteraan oleh Allah sambil kita juga meletakkan keyakinan yang tinggi kepada kepimpinan Datuk Seri Abdullah untuk memajukan negara dalam semua bidang bagi kepentingan bangsa dan agama.